



DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR,
DI BENTONG
KES MAL NO : 06200-025-0089-2013

ANTARA
SHAMSUL MAJDI BIN AHMAD
DAN
NOORBAIZURA BINTI BAHARUDDIN

LOKASI	:	Mahkamah Tinggi Syariah Bentong
HAKIM	:	YA Tuan Haji Muhammad Azhari Bin Abd Rahman AMP, SMP HMTS
TARIKH	:	
NO KES	:	06200-025-0089-2013
DISEDIAKAN OLEH	:	Pegawai Penyelidik Hakim MTS Kuantan

PEGUAM SYARIE

Plaintif	:	Noorhani Binti Muhmmed Ayub daripada Jabatan Bantuan Guaman.
Defenden	:	Maslina Binti Omar @ Arshad dari Tetuan Mas Kumar.

FAKTA KES

Undang-Undang Pentadbiran Seksyen 47 Bidangkuasa Mahkamah Syariah Undang-Undang Keluarga Islam Seksyen 84 - ibu hilang hak hadanah, seksyen 87 (1) dan (2) kuasa Mahkamah membuat perintah hak jagaan anak berdasarkan kebajikan kanak-kanak.



PENGHAKIMAN OLEH YA TUAN HJ MUHAMMAD AZHARI BIN ABD RAHMAN, AMP, SMP, HMTS.

Kes pada hari ini adalah merupakan kes permohonan Mengubah Perintah Hadhanah yang dibuat oleh Plaintiff ke atas Defenden. Terdahulu pada 25/04/2012, suatu perintah berkaitan Hadhanah telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Bentong supaya hak jagaan seorang anak diserahkan kepada Defenden.

Namun dalam kes pada hari ini, Plaintiff memohon kepada Mahkamah untuk mengubah perintah Hadhanah tersebut bagi memastikan Anak yang dijadikan subjek tuntutan dalam kes ini iaitu **Putri Nurhanis Najwa Binti Shamsul Majdi (3 tahun)** mendapat hak penjagaan yang sewajarnya memandangkan matan usia Anak Tersebut masih kecil dan memerlukan penjagaan yang rapi oleh *hadhinah* yang berkelayakan samada menurut hukum syarak atau/dan undang-undang.

Dalam perkara ini, Mahkamah Tinggi Syariah adalah berbidangkasa untuk mendengar dan sekaligus memutuskan kes ini berdasarkan seksyen 47 (2) (b) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 yang memperuntukkan :-

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –

(b) Dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –

- (i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri;*
- (ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);*
- (iii) nafkah tanggungan, kesahtarafan, atau penjagaan kanak-kanak (hadhanah);**
- (iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;*
- (v) wasiat atau pemberian semasa hampir maut (maradhul maut) seseorang si mati Islam;*



- (vi) pemberian semasa hidup atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang mencukupi dengan wang atau nilai wang oleh seseorang Islam;
- (vii) wakaf atau nazar;
- (viii) menentukan waris dan membahagikan harta berwasiat atau tidak berwasiat orang Islam; dan
- (ix) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Seterusnya Mahkamah dalam meneliti kes ini juga menegaskan bahawa, hak seseorang perempuan terhadap anak boleh digugurkan menurut **seksyen 84 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005** yang memperuntukkan:

Hak seseorang perempuan terhadap Hadhanah adalah hilang-

- (a) jika perempuan itu **berkahwin dengan seseorang yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu** yang orang itu dilarang berkahwin dengan kanak-kanak itu, jika penjagaannya dalam hal sedemikian akan menjejaskan kebajikan kanak-kanak itu tetapi haknya untuk penjagaan akan kembali semula jika perkahwinan itu dibubarkan;
- (b)
- (c)
- (d)
- (e) Jika perempuan itu mencuaikan atau menganiaya kanak-kanak itu.

Menurut sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar, 'Bahawasanya seseorang perempuan telah datang menemui Rasulullah saw dan bertanya:

Maksudnya: 'Ya Rasulullah, bahawa anankku ini, perutkulah kandungannya, susukulah minumannya dan ribaanku rumahnya tetapi bapanya telah menceraikan aku dan hendak merampas anak itu daripada aku'. Selepas mendengar aduan itu Rasulullah saw bersabda, 'Engkaulah yang lebih berhak menjaga anak itu **selagi engkau belum berkahwin lain**'.

(Riwayat Abu Daud)

Peruntukan undang-undang dan Hadis di atas adalah jelas meyatakan hak



hadhanah akan gugur ke atas isteri sekiranya isteri berkahwin dengan mana-mana lelaki lain. Di dalam kes ini, Plaintiff telah berjaya membuktikan bahawa Defenden telah berkahwin lain dan suami Defenden itu tidak mempunyai sebarang pertalian darah dengan anak tersebut.

Hadith di atas sebenarnya memberi panduan asas dalam menetapkan bahawa ibu adalah lebih berhak terhadap pemeliharaan anak daripada bapa. Berdasarkan kepada kiasan hadith tersebut, pada asasnya orang perempuan lebih diutamakan tentang hak penjagaan anak, kemudiannya barulah diikuti oleh orang lelaki. Tidak dinafikan Islam mengutamakan perempuan dalam hal hadhanah ini kerana ibu lebih sayang kepada anaknya, lebih tahu bagaimana mendidiknya dan lebih sabar dalam mengasuh anaknya daripada ayah. Demikian juga mempunyai masa yang luas berdampingan dan bermanja dengan anak-anak berbanding dengan bapa yang selalu sibuk dengan tugas di luar.

Namun perkara ini adalah relevan mengikut situasi yang tertentu sahaja. Tidak bermakna dalam semua kes, Ibu adalah sebagai penjaga yang baik untuk anak-anaknya. Maka dalam kes-kes tertentu, Mahkamah boleh memerintahkan penjagaan anak diserahkan kepada bapa apabila difikirkan patut demi kemaslahatan anak tersebut. Terutama dalam kes yang melibatkan deraan atau berlaku kecuaiian yang tidak sepatutnya dalam pemeliharaan anak tersebut selain daripada Ibu yang telah berkahwin dengan lelaki yang tiada pertalian darah dengan anak tersebut.

Dalam kes **Zawiyah Iwn Ruslan** (1980 Jld. 1, 2 J.H.) Yang Arif Kadi Besar Pulau Pinang Hj. Harussani bin Hj. Zakaria ketika memutuskan kes itu menyatakan anak-anak yang belum mumaiyyiz diserahkan kepada ibunya berdasarkan hujah kitab *Kifayah Al-Akhyar Juz 2* halaman 93:

'Apabila menceraikan seseorang lelaki akan isterinya dan ia mempunyai anak dengan isteri itu maka si isteri berhak memelihara anak itu sehingga anak itu berumur tujuh tahun (mumaiyyiz).'

Namun Hak hadhanah akan terlucut sekiranya si isteri itu mempunyai salah satu syarat sepertimana berikut:

*'Dan syarat-syarat hadhanah itu tujuh perkara iaitu berakal, merdeka, beragama, lemah lembut, amanah, **tidak bersuami** dan bermukim. Sekiranya kurang salah satu syarat itu maka gugurlah hak hadhanah itu.'*



Oleh itu, berdasarkan hukum syarak dan peruntukan diatas, maka Mahkamah berpendapat pada asasnya Defenden lah yang berhak keatas penjagaan anak tersebut. Namun situasi dalam kes ini adalah berbeza dan Mahkamah berpendapat Plaintiff telah kurang kelayakannya sebagai *hadhinah* ke atas anak tersebut.

Pertamanya adalah kerana Defenden telah berkahwin lain. Dalam keterangan pihak-pihak dan saksi-saksi telah membuktikan fakta bahawa Defenden telah pun bernikah dengan lelaki lain pada **16 November 2012** yang mana suami kepada Responden adalah tidak mempunyai sebarang pertalian keluarga dengan anak tersebut selain suami Defenden mempunyai seorang anak kandung lelaki bersama isteri sebelum ini. Oleh yang demikian Berdasarkan beberapa pandangan dalam hukum syarak dan peruntukan undang-undang sedia ada, kelayakan ibu tersebut sebagai penjaga telah terlucut.

Ini juga adalah selari dengan pandangan dalam kitab ***I'annah al-Talibin*** karangan 'Allamah Abu Bakr Uthman Bin Muhammad Syata al-Dimyathi al-Bakri pada mukasurat 10 juzu' 4 yang menyatakan:

"Orang yang lebih berhak untuk menjaga kanak-kanak adalah seorang ibu yang belum bersuami lain. "

Dalam kes ini juga, anak tersebut belum mencapai ummur mumayyiz yang mana sekiranya sudah mumayyiz anak tersebut boleh memilih untuk tinggal bersama siapa. Oleh itu Mahkamah akan melihat dari segi kemaslahatan anak tersebut. Kebajikan dan keselamatan anak adalah penting, apatah lagi dalam keadaan anak tersebut masih kecil dan memerlukan pengawasan yang sepenuhnya.

Menurut Syed Sabiq dalam kitabnya **Fiqh As-Sunnah** Juz 8 halaman 219 menyatakan:

'Sesungguhnya setiap penjaga dan anak jagaan masing-masing mempunyai hak. Akan tetapi hak anak atau kemaslahatan anak lebih penting dari hak penjaganya'.

Mahkamah juga mempunyai alasan yang kukuh untuk membenarkan hak penjagaan dipindahkan kepada bapa terutama apabila melibatkan penjagaan seorang anak perempuan yang masih kecil dan belum baligh. Soal kemaslahatan dan keselamatan anak tersebut adalah yang utama. Mahkamah berpendapatan *privacy* anak tersebut adalah lebih terjaga sekiranya bersama bapa kandung berbanding dengan bapa tiri. Dalam kes



ini Plaintiff telah membuktikan bahawa beliau adalah bapa kandung kepada anak tersebut.

Tambahan lagi, anak tersebut didakwa telah tidak dijaga dengan baik di bawah jagaan Defenden. Plaintiff dalam isu ini telah mengemukakan keterangan dokumen sebagai qarinah yang mana keterangan yang dikemukakan secara bergambar tersebut menunjukkan kesan-kesan lebam pada tubuh anak tersebut.

Manakala menjawab dakwaan Defenden mengenai ketidaklayakan Plaintiff untuk diberi hak jagaan kerana Plaintiff dikenakan pengawasan Polis di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan 1983), Mahkamah mendapati Plaintiff telah pun pulih daripada aktiviti yang tidak sihat tersebut berdasarkan laporan pemulihan kes pengawasan daripada Agensi Dadah Kebangsaan (AADK). Defenden juga turut mengetahui perkara ini.

Menurut keterangan saksi ketiga, Asmawi Bin Abdul Rahman (760625-06-5325) yang merupakan Penolong Pegawai Antidadah daerah Temerloh menyatakan bahawa Plaintiff telah menunjukkan sikap bersungguh-sungguh untuk berubah serta telah menunjukkan perubahan kelakuan yang baik. Plaintiff dinyatakan tidak pernah gagal untuk melapor diri sekurang-kurangnya 24 kali setahun malah Plaintiff telah melapor diri lebih daripada 36 kali. Plaintiff juga sering hadir untuk aktiviti kemasyarakatan dengan kekerapan yang memberangsakan dan pernah dilantik menjadi *co-leader* dalam *grouping* untuk sementara selain pernah dijemput memberi ceramah di program-program yang dianjurkan oleh agensi.

Plaintiff juga telah membuktikan kepada Mahkamah bahawa beliau menepati syarat-syarat seorang hadhinah berdasarkan **Seksyen 83(e) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pahang 2005** iaitu:

Seseorang yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak, adalah berhak menjalankan hak terhadap hadhanah jika-

(a)

(b)

(c)

(d)

(e) *dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.*



Dalam perkara ini Defenden dilihat tidak ada halangan untuk menyediakan tempat tinggal yang baik kepada anak tersebut dan dari segi nafkah anak pula Defenden adalah berkelayakan untuk memberi nafkah kepada anak tersebut. Plaintiff bekerja sebagai pembantu pengurus ladang dan berpendapatan sekitar RM2000,00 sebulan.

Oleh yang demikian, Mahkamah memutuskan untuk merubah hak penjagaan anak kepada Plaintiff diatas beberapa sebab dan alasan yang difikirkan munasabah seperti yang dinyatakan di atas.

DIPUTUSKAN

Setelah Mahkamah mendengar keterangan Pemohon dan keterangan anak Pemohon serta meneliti hujahan Pemohon dan Mahkamah berpuashati diatas segala keterangan dan Hujahan yang dibuat, dengan ini Mahkamah meluluskan Permohonan pemohon sebagaimana yang dipohon.

1. Anak bernama Putri **Putri Nurhanis Najwa Binti Shamsul Majdi (3 tahun)** diubah perintah hak jagaannya kepada Plaintiff.
2. Hak Lawatan dan bermalam diberi pada Defenden pada bila-bila masa yang munasabah dengan keizinan Plaintiff.
3. Hari cuti sekolah dibahagi sama rata